



**Tawaran untuk Cadangan (RFP)**

**bagi**

**Kerjasama Penanaman Durian**

**seluas 300 ekar di Ladang Gajah Mati**

**milik TDM Plantation Sdn. Bhd.**

**(No. Rujukan : RFP TDMP 03/21)**

Cadangan ini dihantar ke :

[joehansyarief@tdmberhad.com.my](mailto:joehansyarief@tdmberhad.com.my)

## **1. PENGENALAN**

1.1 TDM Plantation Sdn. Bhd. (TDMP) menjemput para usahawan yang berdaftar dan menjalankan perniagaannya di Malaysia dengan pengalaman yang berkaitan untuk menyertai tawaran untuk :

**Kerjasama Penanaman Durian seluas 300 ekar di Ladang Gajah Mati milik TDM Plantation Sdn. Bhd.**

1.2 TDMP melaksanakan program kepelbagaian tanaman selain pokok kelapa sawit dan ini memberikan peluang bagi pelaksanaan penanaman pokok – pokok lain secara komersil.

1.3 Untuk ini, Ladang Gajah Mati di Bukit Besi telah dikenalpasti dan TDMP berhasrat untuk melaksanakan program penanaman durian secara tanaman tunggal di sini.

1.4 Justeru; TDMP berhasrat untuk bekerjasama dengan pihak ketiga (usahawan) yang berminat dan berpotensi dalam mengusahakan projek penanaman durian secara komersil ini dengan menumpukan usaha ke arah tanaman jangka panjang dan tanaman yang menghasilkan pendapatan lumayan kepada pengusaha (usahawan) dan TDMP.

## **2. SYARAT – SYARAT DAN KEPERLUAN PROJEK**

**2.1** Pencadang mencadangkan kepada TDMP cadangan terperinci berkenaan pelaksanaan projek merangkumi maklumat – maklumat yang diperlukan seperti berikut :

2.1.1 Jenis / Spesis durian yang hendak ditanam

2.1.2 Jadual Penanaman

2.1.3 Tempoh Masa

2.1.4 Maklumat Kewangan Projek


2.1.5 Cadangan Keperluan dan Sumber Projek

2.1.6 Cadangan Usahasama bersama TDMP merangkumi perkara seperti berikut:

i. kadar sewaan tanah

- ii. tanggungjawab dan peranan usahawan merangkumi skop seperti :
  - penanaman dan penjagaan pokok
  - penyelenggaraan ladang
  - penuaian hasil dan penggredan
  - proses penjualan dan penghantaran hasil
  - khidmat nasihat & teknikal
  - pemasaran dan rangkaian jualan
  - lain – lain skop yang perlu (sila cadangkan)
- iii. terma kerjasama bersama TDMP
- iv. pembahagian keuntungan

2.2 Kawasan projek adalah di Ladang Gajah Mati. Berikut adalah beberapa maklumat dan informasi tapak projek :



i. Lokasi : 4.69604, 103.20679

## ii. Taburan Hujan (mm)

YEAR	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
2011	828	29	628	226	268	141	181	292	355	454	870	874	5,146
2012	510	73	495	217	264	101	142	357	476	238	200	1,400	4,473
2013	374	483	75	185	218	158	144	226	282	419	507	1,317	4,386
2014	338	5	67	55	72	220	171	206	183	193	391	1,338	3,237
2015	187	68	35	42	212	65	133	146	194	135	437	373	2,028
2016	214	223	17	15	189	149	151	187	334	246	423	742	2,889
2017	921	158	96	103	390	223	196	218	164	397	537	434	3,837
2018	525	46	72	110	97	173	129	242	242	172	436	748	2,992
2019	193	103	66	19	153	211	172	133	71	240	268	486	2,115
2020	103	147	32	124	63	201	222	202	95	315	706	832	3,043

2.3 TDMP berhak untuk menambah / mengekalkan / mengurangkan apa - apa jua tambahan skop kepada usahawan, dengan persetujuan bersama dengan usahawan.

## 3. KRITERIA PENILAIAN DAN PENGHANTARAN CADANGAN

3.1 Cadangan yang dihantar hendaklah merangkumi dan mematuhi syarat – syarat seperti berikut:

### I. Profil Syarikat / Individu

- Maklumat mengenai lembaga pengarah dan pihak pengurusan
- Dokumen Pendaftaran Syarikat (Salinan sijil SSM) atau Maklumat peribadi pemohon
- Pendaftaran MOF (jika ada)
- Laporan Audit 3 Tahun Terkini
- Penyata Terkini 3 Bulan Bank
- Kepakaran Teknikal (sila lampirkan Salinan sijil & CV)
- Projek Siap atau Sedang dilaksanakan

### II. Cadangan Terperinci : Kerjasama Penanaman Durian seluas 300 ekar di Ladang Gajah Mati milik TDM Plantation Sdn. Bhd.

3.2 Pencadang (Usahawan) boleh menghantar dokumen cadangan yang telah lengkap didalam sampul surat bermeteri bertulis :

"Tawaran untuk Cadangan (RFP) bagi Kerjasama Penanaman Durian seluas 300 ekar di Ladang Gajah Mati milik TDM Plantation Sdn. Bhd." (No. Rujukan : TDMP xx/21)

**"Tawaran untuk Cadangan (RFP) bagi Kerjasama Penanaman Durian seluas 300 ekar di Ladang Gajah Mati milik TDM Plantation Sdn. Bhd. (No. Rujukan : RFP TDMP 03/21) dihantar dengan tangan sebelum atau pada Khamis, 10 Jun 2021 sebelum jam 3.00 petang ke :**

joehansyarief@tdmberhad.com.my